

U 8603 DEB

MAHATHIR - NELAYAN & & &

1985

PEKAN, 23 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYELAR ORANG-ORANG YANG DIPANGGILNYA SEBAGAI +BIJAK BISTARI+ KERANA MENYALAHKAN KERAJAAN DI ATAS KEMISKINAN PARA NELAYAN.

PERDANA MENTERI MENGESALI SIKAP ORANG-ORANG ITU YANG DIKATAKANNYA KADANGKALA MELALUI TULISAN MEREKA MENGENAI KEMISKINAN NELAYAN, MEMBANGKITKAN PERASAAN BENCIKAN KERAJAAN DENGAN MEMBERIKAN GAMBARAN KONONNYA KERAJAAN TIDAK BERBUAT SESUATU APA PUN UNTUK MEMPERBAIKI HIDUP PARA NELAYAN.

KATANYA DAKWAAN MEREKA ITU ADALAH TIDAK BENAR KERANA KERAJAAN TELAH MENWUJUDKAN PELBAGAI AGENSI, MELAKSANAKAN BANYAK RANCANGAN SERTA MENGELUARKAN PERUNTUKAN BESAR DALAM USAHANYA MENGUBAH NASIB PARA NELAYAN DI SELURUH NEGARA.

MALANGNYA, KATA PERDANA MENTERI, DI SEBALIK SEGALA USAHA KERAJAAN ITU PARA NELAYAN DI SELURUH NEGARA MASIH LAGI DALAM KEMISKINAN.

BELIAU BERUCAP MELANCARKAN KAWASAN PEMBANGUNAN NELAYAN KUALA PAHANG /NENASI YANG MENGANDUNGI 19 BUAH KAMPUNG NELAYAN, DEKAT SINI SEMPERA LAWATANNYA DUA HARI KE NEGERI INI, DI HADAPAN KIRA-KIRA - 5,000 ORANG. -- LAGI.

1527MST 23 03 85

0739

U 8605 DEB

MAHATHIR : NELAYAN 2 PEKAN & & &

TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMAD NAJIB TUN RAZAK DAN Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) DATUK ABU BAKAR RAUTIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA UNTUK MENGUBAH NASIB MEREKA PARA NELAYAN TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN SELAIN DARIPADA BERTUKAR KEPADA TANGKAPAN IKAN CARA MODEN YANG LEBIH MENGUNTUNGGAN DENGAN MENGGUNAKAN BOT-BOT BESAR DAN MENANGKAP IKAN JAUH DARIPADA PANTAI.

BAGI PARA NELAYAN YANG ENGGAN MENGUBAH CARA TANGKAPAN TRADISI BELIAU MENEKANKAN BAHAWA MEREKA MESTILAH BERALIH KEPADA PEKERJAAN YANG PENDAPATANNYA LEBIH LUMAYAN SAPERTI MENJADI PENEROKA RANCANGAN TANAH FELDA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAMAI ORANG +BIJAK BISTARI+ MERATAPI PENDERITAAN PARA NELAYAN TETAPI SELAIN DARIPADA MENANGIS MEREKA TIDAK BERBUAT APA-APA KECUALI MENGEMUKAKAN BERBAGAI-BAGAI CADANGAN SEHINGGA BARU-BARU INI ADA CADANGAN SUPAYA LKIM DIBUBARKAN.

BELIAU BERKATA MASALAH KEMISKINAN PARA NELAYAN TIDAK DAPAT DIATASI DENGAN MEMBUBARKAN LEMBAGA ITU. -- LAGI.

1537MST 23 03 85

0750

U 8613 DEB

MAHATHIR - NELAYAN 3 PEKAN & & &

KATANYA SEBENARNYA ADA DI ANTARA RANCANGAN MEMAJUKAN PARA NELAYAN BERDASARKAN CADANGAN CERDIK PANDAI TETAPI WALAUPUN KERAJAAN TELAH BERUSAHA KEJAYAAN BELUM NAMPAK DILIHAT.

BELIAU BERKATA PARA NELAYAN HARUS BERFIKIR MENGAPA NELAYAN DI NEGARA-NEGARA LAIN HIDUPNYA LEBIH BAIK DARIPADA MEREKA DAN ADAKAH MEREKA MISKIN KERANA SUMBER LAUT NEGARA INI TIDAK MENCUKUPI .

KALAU SUMBER ITU TIDAK MENCUKUPI KENAPA PULA TERDAPAT NELAYAN-NELAYAN ASING MENANGKAP IKAN DI KAWASAN LAUT DALAM PERAIRAN

NEGARA, TAMBAHNYA.

APA YANG PENTING, KATANYA, IALAH PARA NELAYAN MESTILAH SANGGUP MENGUBAH CARA HIDUP ATAU CARA TANGKAPAN MEREKA DENGAN MENGGUNAKAN BOT-BOT BESAR MENANGKAP IKAN DI LUAR PANTAI KHUSUSNYA BAGI PARA NELAYAN DI PANTAI TIMUR.

KATANYA KEHIDUPAN PARA NELAYAN PANTAI TIMUR MENJADI BURUK KERANA TIDAK DAPAT KE LAUT PADA MUSIM TENGGUJUH TETAPI JIKA MEREKA MENGGUNAKAN BOT-BOT BESAR MASALAH ITU DAPAT DIATASI. -- LAGI.

1557MST 23 03 85

0756

U 8614 DEB
MAHATHIR - NELAYAN 4 PEKAN R R R

PERDANA MENTERI MENGAKUI BAHAWA PARA NELAYAN TELAH SANGGUP MENGUBAH CARA TANGKAPAN MEREKA DARIPADA CARA-CARA TRADISI TETAPI MEREKA MESTILAH MENGUBAHNYA DENGAN CARA YANG DIRANCANGKAN OLEH KERAJAAN.

INI KERANA RANCANGAN-RANCANGAN KERAJAAN DALAM MEMPERBAIKI TARAF HIDUP KAUM NELAYAN ADA HUBUNG KAIT DENGAN PEREDARAN ZAMAN. -

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENGADAP SULTAN PAHANG DI ISTANA ABU BAKAR DI SINI YANG DISUSULI DENGAN MAJLIS SANTAPAN SEBELUM BERLEPAS KE IBU NEGARA.

PAGI INI PERDANA MENTERI MELAWAT KAWASAN PERINDUSTRIAN GEBENG, KIRA-KIRA 10 KM DARI KUANTAN DI MANA BELIAU MENINJAU KEMAJUAN KILANG ANAK SYARIKAT AMANAH SAHAM PAHANG (ASPA), PERPA MOULDING DAN ASPA-SAMICK. BELIAU JUGA DIBERI TAKLIMAT MENGENAI STRATEGI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN PELANCONGAN NEGERI INI OLEH PENGURUS BESAR LEMBAGA KEMAJUAN NEGERI PAHANG ENCIK LONG AHMAD.

PETANG SEMALAM BELIAU MELAWAT IBU PEJABAT TAMAN NEGARA DI KUALA TAHAN DAN MENDENGAR MENGENAI RANCANGAN-RANCANGAN KERAJAAN NEGERI MEMAJUKAN LAGI PELANCONGAN DI KAWASAN ITU. TAKLIMAT DIBERIKAN OLEH PENGUASA TAMAN NEGARA, JERANTUT, ENCIK SAHARUDIN ANAN. -- BERNAMA.

1605MST 23 03 85